



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEXTM

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

**SEMESTER 1
SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

PPK 334

**PENGURUSAN MASALAH EMOSI DAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK
BERKEPERLUAN KHAS**

TUGASAN 2 (ESEI) - 30%

DISEDIAKAN OLEH:



MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

(142591)

nurirfan981010@gmail.com & nurirfan@student.usm.my

NAMA PENSYARAH:

DR. LOW HUI MIN

Tugasan eseai ini mengandungi **SATU (1)** soalan. Soalan perlu dijawab dengan sekurang-kurangnya **900 patah perkataan** dalam word/pdf format. Aishah ialah seorang murid **masalah pembelajaran** dalam program pendidikan khas. Aishah mengalami **masalah kognitif tahap teruk**, Dia **suka menconteng buku latihan** rakan di sebelahnya. Huraikan **TIGA (3)** strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai dalam kes ini. Bandingkan **kelebihan dan kekurangan strategi** ini.

Masalah Pembelajaran ditakrifkan sebagai murid yang mempunyai masalah kognitif yang dianggap boleh diajar dan boleh mendapat pendidikan formal (Encik Abdul Rahman Bin Talib, 2007). Ainsyah yang merupakan murid berkeperluaan khas yang mempunyai masalah pembelajaran dengan kognitif tahap teruk atau lebih dikenali sebagai lebam. Murid-murid lebam juga didefinisikan sebagai beberapa jenis kecelaruan yang mempunyai ciri-ciri perkembangan yang tidak sempurna, seperti perkembangan kemahiran akademik, bahasa dan pertuturan. Sehubungan dengan itu, Ainsyah yang mempunyai masalah kognitif tahap teruk menunjukkan tingkah laku negatif seperti menconteng buku latihan rakan di sebelahnya kerana dirinya mengalami kesukaran memberikan tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dijalankan.

Antara strategi pengurusan tingkah laku yang digunakan untuk menangani masalah tingkah laku Ainsyah yang suka menconteng buku latihan rakan di sebelahnya adalah strategi mengurangkan tingkah laku negatif iaitu kos-respon. Kos respons adalah istilah yang digunakan untuk menghilangkan peneguhan untuk tingkah laku yang tidak diingini atau mengganggu. Pemilihan strategi ini bersesuaian dengan rangsangan yang menyebabkan masalah tingkah laku yang tidak dapat dikenal pasti. Contohnya, Ainsyah suka menconteng buku latihan rakannya dan untuk mengatasi tingkah laku tersebut, guru mengambil pensil yang digunakan Ainsyah dan diberi amaran bahawa pensil hanya akan dipulangkan apabila tingkah laku menconteng Ainsyah tidak diulangi lagi. Kelebihan strategi kos respon ini adalah mudah untuk diuruskan dan ditadbir oleh guru bagi menangani setiap tingkah laku negatif yang dilakukan oleh murid-murid seperti Ainsyah, manakala kekurangannya adalah sekiranya kos respon tidak diterapkan secara konsisten dengan cara yang tidak betul dan emosional oleh guru, kemungkinan akan menjadi pertikaian antara guru dan murid tersebut.

Murid tersebut kemungkinan akan menunjukkan tingkah laku yang lagi teruk seperti tingkah laku agresif dengan merosakkan harta benda atau menyakitkan rakan-rakan sekelasnya. Jadi disini guru perlulah memainkan peranan dengan baik dalam menangani setiap strategi yang dilaksanakan agar tingkah laku negatif dapat dikurangkan.

Seterusnya strategi pengurusan tingkah laku yang digunakan untuk menangani masalah tingkah laku negatif Ainsyah adalah strategi tamat masa. Strategi tamat masa ialah prosedur memindahkan murid daripada sumber peneguhan apabila tingkah laku negatif ditunjukkan. Pemilihan strategi ini digunakan apabila rangsangan yang menyebabkan tingkah laku negatif tidak dapat dikenal pasti. Sebagai contoh, Ainsyah yang menunjukkan tingkah laku negatif tanpa sebab dengan menconteng buku latihan rakan sekelasnya telah disuruh oleh guru untuk duduk seorang diri di luar bilik darjah selama 5 minit. Setelah selesai hukuman tersebut dilaksanakan, Ainsyah diterangkan tentang kesalahan yang telah dilakukan dan kenapa dia dikenakan hukuman. Kekuatan strategi tamat masa ini mampu untuk mengubah tingkah laku negatif murid seperti tingkah laku yang dilakukan oleh Ainsyah dengan cara memberikan kesedaran tentang tingkah laku yang telah dilakukan. Selain itu, bagi kelemahan strategi ini adalah kemungkinan Ainsyah akan bertindak membantah tindakan strategi yang dilakukan oleh guru dengan menangis, mengamuk dan sebagainya lagi.

Disamping itu strategi pengurusan tingkah laku yang digunakan untuk menangani masalah tingkah laku Ainsyah yang suka menconteng buku latihan rakan di sebelahnya adalah strategi mengurangkan tingkah laku negatif jenis penghapusan. Hal ini demikian kerana strategi mengurangkan tingkah laku negatif dengan cara penghapusan mampu memberhentikan atau menyekat murid-murid daripada terus melakukan tingkah laku negatif secara beransur-ansur dengan menggantikan dengan tingkah laku baru yang positif. Pemilihan strategi ini bersesuaian digunakan untuk tingkah laku yang tidak mempunyai kesan negatif yang memudaratkan. Sebagai contoh, tingkah laku negatif Ainsyah yang suka menconteng buku latihan rakan di sebelahnya merupakan tingkah laku yang tidak membahayakan murid kognitif tahap teruk dan murid-murid lain. Sehubungan dengan itu, walaupun tingkah laku yang ditunjukkan tidak membahayakan diri sendiri dan murid lain

tetapi tingkah laku tetap mengganggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran rakan di sebelahnya. Bagi menangani masalah ini satu strategi sampingan untuk penghapusan telah dilakukan oleh guru iaitu peneguhan tingkah laku alternatif atau positif. Sebagai contoh, sekiranya Ainsyah yang merupakan murid kognitif tahap teruk melakukan tingkah laku negatif seperti menconteng buku latihan rakan disebelahnya, Ainsyah akan diminta dan disuruh oleh guru kehadapan kelas bertujuan untuk menjawab soalan atau melukis sesuatu pada papan putih. Jadi dalam contoh ini, sifat peneguhan itu akan dapat dikurangkan dan ditukarkan kepada satu tingkah laku yang sesuai dengan situasi dan konteks sosial iaitu Ainsyah akan lebih berani untuk berdiri di hadapan kelas dan menjawab setiap soalan yang dikemukakan oleh guru. Perlaksanaan strategi ini memberikan kelebihan dan kekurangannya tersendiri.

Antara kelebihan strategi penghapusan adalah tingkah laku negatif tersebut dapat dikurangkan atau dikekalkan dengan tingkah laku yang lebih sesuai serta Ainsyah juga dapat meningkatkan keyakinan dirinya semasa berada di hadapan kelas. Selain itu, penerapan strategi ini sekaligus mampu meningkatkan kognitif Ainsyah kerana guru akan selalu memanggil dan memintanya kehadapan kelas untuk menjawab soalan atau melukis sesuatu yang berkaitan dengan pengajaran sewaktu itu. Lantaran itu, bagi kekurangan strategi ini adalah hukuman yang diberikan akan menyebabkan rakan sebaya yang lain bertindak secara negatif kepada Ainsya. Sebagai contoh, sekiranya Ainsyah diminta oleh guru kehadapan kelas, kemungkinan pada ketika itu, rakan-rakan Ainsyah akan menunjukkan tingkah laku negatif seperti menyindir, membuat bising, mengejek dan sebagainya kepada Ainsyah. Ekoran itu, akan membuatkan Ainsyah berasa malu dengan hukuman yang telah diberikan kepadanya. Jadi guru perlulah memainkan peranan dalam mengawal persekitaran kelas dan juga dapat memilih tindakan yang bersesuaian kepada situasi tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid-murid yang bermasalah.

Kesimpulannya, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku murid-murid yang boleh menjaskan kelincinan atau keberkesanan pengajaran dan pengajaran khasnya di dalam bilik darjah. Menurut Robert H Woody di dalam bukunya berjudul ‘The School and the Behaviour Problem Child’ menyatakan semua tingkah laku di sekolah dapat diperlihatkan dalam

berbagai bentuk dan ragam. Murid-murid tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan dan suasana pembelajaran. Keadaan begini selalu menjelaskan pelajaran dan keupayaan mereka untuk belajar dan berhubung dengan orang lain. Jadi strategi-strategi untuk mengurangkan tingkah laku negatif yang dijalankan sebagai tindakan kepada setiap tingkah laku bermasalah yang ditunjukkan oleh murid-murid. Masalah tingkah laku yang dilakukan oleh Ainsyah iaitu bertindak menconteng buku latihan rakannya dapat diatasi dengan strategi-strategi yang diambil dan dilaksanakan dengan betul mampu menghapuskan tingkah laku tersebut dan mengantikannya dengan tingkah laku positif.

(964 Patah Perkataan)

RUJUKAN

Isa, Z. M. Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Aznan Che Ahmad Mohd Zuri Ghani Salizawati Omar.

Noora, F. N. A. M., & Yasinb, M. H. M. Modifikasi Tingkah Laku Murid Menggunakan Time-Out Dan Kata Pujian.

Pujiharto, M. Strategi Penghapusan Diri Kajian Puitika Pascamodernisme Terhadap Cerpen-Cerpen Danarto. Sastra Sebagai Identitas Naratif Dan Upaya Sastra Dalam Menghadapi Masalah Masyarakat Dan Bangsa, 147.

Wah, L. L., Bonadei, S., Yong, L., & Chua, M. (2016). *Program Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak Berkeperluan Khas* (Penerbit USM). Penerbit USM.